

Perdana Menteri bincang perkara berkaitan banjir di Bangkok

Najib jumpa PM Thailand

KUALA LUMPUR – Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak telah mengadakan perjumpaan dengan pemimpin Thailand, Jeneral Prayuth Chan-ocha di Bangkok semalam untuk berbincang tentang perkara berkaitan banjir.



NAJIB

Melalui catatan dalam laman Facebooknya, Najib berkata, beliau turut menyampaikan ucapan terima kasih kepada rakan sejawatannya itu atas sumbangan yang dihulurkan bagi membantu mangsa banjir di Malaysia.

Katanya, mereka juga bertukar-tukar pandangan tentang langkah pemulihan dan



PRAYUT



KEADAAN di Jalan Palekbang, Tumpat di Kelantan yang rosak teruk selepas banjir surut.

pengalaman Thailand dalam menghadapi banjir.

Sementara itu, ketika berucap merasmikan Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan 1436H/2015M di Masjid Putra, Putrajaya se-

malam, Tan Sri Muhyiddin Yassin menyifatkan tindakan segelintir individu yang menyebarkan berita palsu dan fitnah mengenai musibah banjir di media sosial sehingga menjadi viral sebagai perbu-

tan keji.

Timbalan Perdana Menteri berkata, selain bertentangan dengan ajaran Islam, perbuatan yang sama sekali tidak mencerminkan akhlak seorang Muslim itu juga boleh mewujudkan rasa benci dan permusuhan sesama umat Islam.

“Cerita-cerita yang direka oleh mereka yang berniat jahat ini banyak menimbulkan rasa resah dan gelisah dalam kalangan rakyat,” kata beliau.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) Isnin lalu telah memanggil 14 individu bagi membantu siasatan berhubung penyebaran 10 berita palsu berkaitan banjir yang melanda beberapa negeri.

Seramai lapan orang telah direkod keterangan mereka manakala enam orang lagi masih belum tampil.